

TAMU GADANG UMS... Yang di-Pertua Negeri Tun Haji Juhar Mahiruddin meramsikan Pesta Tamu Gadang ke-14 di Dataran Dewan Canselor, UMS, di sini, kelmarin.


Turut hadir isterinya Toh Puan Hajah Norlidah RM. Jasni dan Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur

Tamu Gadang itu yang berlangsung kelmarin sehingga 24 Oktober ini, adalah program terbesar UMS sempena majlis konvokesyen kali ke-14 universiti itu.

Berucap pada majlis itu, Dr Kasim berkata Universiti Malaysia Sabah (UMS) bukan sahaja berjaya melahirkan golongan intelektual malah berjaya mengharumkan Malaysia di peringkat antarabangsa melalui banyak kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk seni dan sukan.

Dalam bidang seni katanya UMS berjaya mengharumkan nama Malaysia apabila memenangi dua pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa dalam Pertandingan World Championship of Performing Art di Hollywood, Los Angeles, Amerika Syarikat pada Jun lalu.

Tun Juhar bersama Toh Puan Norlidah sambil diiringi oleh Dr Harun ketika melawat gerai buku sempena Pesta Tamu Gadang itu.-Cerita lanjut lihat Mua 2. Foto OLEH EDDIE ANGAT.



Tamu Gadang sempena konvokesyen UMS bermula

NST 18.10.2012 1 & 2

KOTA KINABALU: Tamu Gadang sempena konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula kelmarin sehingga 24 Oktober ini di Dataran Dewan Canselor universiti itu.

Sepanjang Tamu Gadang itu, pelbagai acara menarik disediakan bagi memeriahkan para pengunjung termasuk Pertandingan Bintang P. Ramlee, Pertandingan Baju Kebaya, pertandingan melukis dan mewarna (kanak-kanak), pertandingan Gema Kumpang, pertandingan tarian dan Koir.

Selain itu, kira-kira 100 gerai menjual pelbagai jenis barangan termasuk cenderahati berbentuk gubahan bunga disediakan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur berkata, pesta Tamu Gadang itu dikelolakan sepenuhnya oleh jawatankuasa pelajar dan dipantau oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama jabatan-jabatan lain di UMS.

"Penglibatan pelajar dalam menggerakkan program dan aktiviti kema-



HADIAH GRADUAN...Siti Khadijah menyediakan gubahan anak patung.

hasiswaan ini adalah salah satu cara mendidik mahasiswa ke arah keseimbangan antara akademik dan bukan akademik," katanya.

Sementara itu seorang penjual gubahan bunga, Siti Khadijah Ibrahim, 53 yang meminati gubahan bunga mulai membuka gerai jualan cenderahati setiap kali majlis konvokesyen di mana-mana institut pengajian tinggi awam dan swasta di Sabah sejak tahun 2005.

"Setiap tahun saya buka gerai menjual bunga dan cenderahati di ma-

na-mana sahaja majlis konvokesyen, misalnya di UMS, Politeknik, Kolej Yayasan Sabah, sekolah-sekolah dan Tadika Kemas kawasan Tuaran.

"Sambutan memang menggalakkan. Harga antara RM18 hingga RM100 ke atas," katanya.

Siti Khadijah menjual pelbagai jenis gubahan bunga dan patung yang amat sesuai dijadikan hadiah atau cenderahati kepada para graduan. **-OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabahtimes.com.my)**



GUBAHAN BUNGA...Siti Khadijah (tengah) menyusun gubahan bunga di gerai Tamu Gadang.